

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI KELAB VETERAN UTUSAN MELAYU**  
**DI DEWAN MERAK KAYANGAN BALAI FELDA, KUALA LUMPUR**  
**12 JANUARI 2001**

-----

Saya merasa gembira dapat menghadiri Majlis Aidilfitri Kelab Veteran Utusan Melayu yang diadakan bersempena dengan perasmian penubuhan kelab ini esok. Ia memberi peluang kepada saya untuk berhari raya dengan rakan-rakan lama dan baru di Utusan Melayu.

2. Bagaimanapun saya rasa agak sedih kerana Pak Melan (Tan Sri), Pak Samad Ismail (Tan Sri) dan juga Usman Awang atau Tongkat Warant (Datuk) tidak dapat bersama kita malam ini kerana masing-masing dalam keuzuran. Mereka adalah nama-nama besar dalam sejarah Utusan Melayu. Saya mendoakan kesihatan mereka.

3. Seperti yang dimaklumkan kepada saya, keahlian kelab ini terbuka kepada pesara, kakitangan Utusan yang telah berkhidmat tidak kurang 25 tahun dan bekas kakitangan. Saya percaya kombinasi keahlian seumpama ini akan memperkukuh dan mempopularkan kelab ini kerana ia tidak sahaja akan terdiri dari orang yang benar-benar telah bersara tetapi yang akan bersara dan yang bersara ketika usia masih muda. Maka ia menjadi jambatan antara orang tua, pertengahan umur dan juga yang masih muda.

4. Saya sering mendengar orang yang pernah bekerja dengan Utusan Melayu termasuk pegawai akhbar saya sendiri berkata bahawa sekalipun bekerja dengan Utusan hanya seketika tetapi terasa sepanjang masa. Ini mungkin kerana kekayaan sejarah lamanya dan kerana Utusan terus mencipta nama demi nama yang menyemaikan rasa bangga yang tidak terasa ketika bekerja tetapi menjadi nostalgia kepada kebanyakan kakitangan Utusan Melayu setelah meninggalkannya.

5. Kepada saya Utusan Melayu adalah sebuah akhbar nasional yang cepat merasakan suara hati dan denyut nadi bangsanya. Baru-baru ini sahaja kita dapat melihat Utusan telah bangkit dengan berani, lebih menonjol dari akhbar-akhbar lain di dalam menyuarakan kebimbangan dan kegelisahan bangsanya. Inilah keberanian Utusan. Tidak benar, Utusan hanya mengampu kerajaan, tetapi adakalanya kami di Umno dan kerajaan juga merasa bisa gigitannya.

6. Dalam sejarahnya yang saya ikuti, Utusan bukan sahaja menurut arus sentimen dan ilusi bangsanya tetapi ia sanggup dan berani menentang arus sekalipun menjadi tidak popular, dikecam dan dihina, dibakar dan dipulau demi untuk mendidik dan membawa orang Melayu menghadapi realiti hidup masyarakat majmuk yang memerlukan banyak penyesuaian, persefahaman dan tolak ansur.

7. Ini bukanlah suatu perkara baru, sejak awal lagi Utusan telah pun menghadapi berbagai cabaran. Saya telah membaca tulisan pengasas Utusan Melayu, Allahyarham Yusof Ishak yang juga menjadi pengarangnya dan kemudian menjadi presiden Singapura, di dalam buku Utusan Melayu 10 tahun. Katanya, "Utusan Melayu telah disifatkan sebagai sebuah akhbar pendusta, yang cetek fikirannya dan yang murah fahamannya sebaliknya Utusan Melayu pernah juga disifatkan sebagai "johan rakyat jelata", "suara yang tak gentar kepada sesiapa pun". Juga malahan

ada yang berkata "bahawa orang Melayu akan jaya dalam dunia ini hanya sekiranya Utusan Melayu berjaya dalam perjuangannya".

8. Kata-kata Yusoff Ishak 50 tahun dahulu semuanya benar belaka hingga sekarang, cuma bezanya ialah pengalaman telah mengajar Utusan menjadi lebih yakin, lebih matang dan lebih kebal menghadapi cabaran.

9. Pada tahun 1961, Utusan Melayu terpaksa diambil alih oleh golongan nasionalis dari penguasaan pelampau kiri yang menganggap kemerdekaan kosong dan yang tidak dapat menerima jalan kemerdekaan demokrasi berperlembagaan yang dipelopori oleh Allahyarham Tuanku Abdul Rahman atau Umno. Sesudah merdeka Utusan Melayu dianggap menjadi suara kepada alat penjajah dan New Colonialism.

10. Kemerdekaan yang dianggap kosong itu ternyata sekarang lebih berisi, lebih mantap dari kemerdekaan negara lain yang dulunya dianggap lebih bernilai kerana dicapai dengan perjuangan berdarah.

11. Dasar Utusan Melayu tercabar lagi apabila pejuang-pejuang bahasa telah membakar Utusan Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 3 Mac 1967 kerana Utusan menyokong kuat rang undang-undang bahasa yang mengekalkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

12. Utusan Melayu pada keesokan harinya 4 Mac 1967 antara lain memberitakan bahawa orang-orang yang marah telah menjerit-jerit dalam perhimpunan lebih 1,500 orang pejuang-pejuang bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa Utusan Melayu "pengampu", "lidah rasmi Umno", "biarkan bankrap" dan bakar "Melan Abdullah ketua pengarang Utusan Melayu".

13. Seorang penyair terkenal tanah air, Usman Awang, bekas wartawan Utusan yang ketika itu bekerja di Dewan Bahasa telah menulis sajak keranda 152 kerana kerajaan mengekalkan kedudukan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, tetapi saya ingin bertanya hari ini tidakkah kita akan benar-benar berada di dalam keranda alaf baru 2000 kiranya Bahasa Inggeris tidak dikekalkan sebagai bahasa kedua, kiranya Utusan Melayu tidak menentang sentimen rakyat, kiranya Utusan tidak bervisi dan tidak berani menunjukkan jalan yang benar kepada rakyat? Di manakah kita di zaman I.T jika Utusan juga turut menjadi pelampau bahasa mengikut arus sentimen bangsanya?

14. Di dalam pada itu saya suka menegaskan, saya yang juga terlibat dalam perjuangan bahasa sebelum dan sesudah merdeka, tidaklah melupakan rangkaian perjuangan para ahli bahasa, pendukung bahasa, guru-guru dan terutama sekali Utusan Melayu sendiri dalam usaha untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perjuangan kita bersama telah berhasil, Bahasa Melayu telah pun diletakkan pada kedudukan dan pengiktirafan yang tinggi dan berdaulat. Generasi muda Malaysia telah menerima dengan baik taraf dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Mereka menerimanya sebagai bahasa kita bersama. Bahasa Malaysia telah pun menjadi bahasa kesatuan dan perpaduan negara.

15. Bagaimanapun kekeliruan telah timbul akhir-akhir ini apabila kerajaan mengumumkan langkah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan bagi meninggikan kualiti dan keupayaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar dan masyarakat kita.

16. Saya suka menegaskan bahawa dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan pengajaran Bahasa Inggeris, kerajaan sama sekali tidak bermaksud untuk mengubah taraf dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara malah kedudukannya akan diperkukuhkan dan diperingkatkan secara lebih berkesan dan lebih luas lagi.

17. Saya merasa amat dukacita kerana ada pihak yang telah cuba mengambil kesempatan dari langkah kerajaan untuk memajukan Bahasa Inggeris dengan membuat tuntutan yang boleh menimbulkan kecurigaan terhadap kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kerajaan sama sekali tidak bermaksud untuk mengeneipkan bahasa kebangsaan.

18. Generasi tua, golongan WOG (Western Oriented Gentlemen) dan juga golongan Chuanis secara tidak sedar menampakkan semula warna mereka, meminta kerajaan mewajibkan pengajaran bahasa-bahasa lain di sekolah sama seperti Bahasa Inggeris, malah sudah ada yang mengeneipkan Bahasa Malaysia pada papan-papan iklan. Mereka tidak sedar akan bahayanya tuntutan ini tetapi kerajaan tetap sedar kerana kerajaan senantiasa dihayati oleh inspirasi nasional.

20. Saya terbaca di dalam akhbar The Star pada 5 Januari tuduhan seorang pengetua kolej swasta bahawa kerajaan tidak jujur dalam usahanya untuk memajukan kualiti Bahasa Inggeris di negara ini kerana kerajaan lebih mengutamakan kepentingan politik dari matlamat pelajaran.

21. Beliau membuat tuduhan ini kerana adanya arahan dari Kementerian pendidikan kepada kolej-kolej swasta mengenai pengajaran dalam Bahasa Malaysia. Saya kira hal ini tidak seharusnya dilihat dari sudut politik tetapi dari sudut kepentingan nasional.

22. Tidak syak lagi cakap-cakap seumpama ini telah menimbulkan prasangka buruk di kalangan bukan sahaja para pejuang bahasa tetapi juga di kalangan generasi baru Malaysia dari semua kaum yang telah dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik dan yang telah merasakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kita bersama. Ada pula pihak menyatakan kita telah melakukan kesilapan kerana menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara. Ini tidak benar. Kita tidak bersalah. Sebaliknya langkah kita itu adalah benar kerana sekarang Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pertuturan dan penguasaan sebahagian besar rakyat berbagai kaum negara ini dan terbukti berjaya menjadi bahasa perpaduan dan menjadi identiti keperibadian negara ini. Apa yang salah ialah kita tidak memberikan perhatian berat malah telah mengabaikan pendidikan dan pembelajaran Bahasa Inggeris kerana kita sedikit sebanyak telah terbawa oleh sentimen kebangsaan yang sempit. Kesedaran baru yang timbul akan dapat mengimbangi pendekatan kita dalam memenuhi kepentingan nasional dan keperluan antarabangsa.

23. Saya juga sedar Dasar Pelajaran Kebangsaan dan perkembangan Bahasa Malaysia telah memaju dan meningkatkan jualan akhbar berbahasa Malaysia berlipat-kali ganda sejak merdeka. Umpamanya Utusan Malaysia akhir-akhir ini telah meningkat hingga hampir 300,000 dan Minggu Malaysia lebih 600,000 dan merupakan akhbar dengan pasaran terbesar di negara ini dibandingkan dengan akhbar lain-lain bahasa. Ini adalah bukti jelas bahawa kemajuan Bahasa Melayu telah memberikan faedah ekonomi kepada industri akhbar dan penerbitan Bahasa Malaysia di negara ini.

24. Kerajaan akan terus berusaha untuk memberikan penilaian ekonomi kepada Bahasa Malaysia di samping melipatgandakan usaha untuk memajukan fahaman dan keupayaan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat terutamanya generasi muda di negara ini. Tetapi langkah ini tidak seharusnya dilihat sebagai tolak ansur kerajaan terhadap kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Tidak akan ada tolak ansur dalam soal ini.

25. Saya harap mesej ini difahami dan diterima dengan baik supaya tidak lagi ada sebarang tuntutan yang bertentangan dengan inspirasi nasional dan yang boleh menggugat usaha ke arah menegakkan identiti negara. Globalisasi tidak seharusnya mencairkan kepercayaan kepada diri sendiri dan kepada kedaulatan keperibadian kita.

26. Sesungguhnya saya merasa bangga kerana rakyat negara ini khususnya orang Melayu sendiri telah keluar dari sentimen perkauman yang sempit malah pihak yang dahulunya menentang Bahasa Inggeris pun sekarang telah menerima rasional untuk menerima bahasa ini bagi kepentingan ekonomi dan masa depan negara.

27. Kita berada di dalam suatu suasana yang lebih conducive dan lebih baik untuk memajukan Bahasa Inggeris sederap dengan kemajuan bahasa kita. Dengan ini saya sekali lagi mendoakan agar Kelab Veteran Utusan Melayu yang akan ditubuhkan esok akan diberkati oleh Allah dan dapat memberikan faedah dan kebajikan yang sebaik-baiknya kepada ahli-ahlinya.

28. Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan se bait dari sajak "duri dan api" ciptaan sasterawan negara, Usman Awang yang sekalipun dicipta sempena mogok Utusan Melayu tetapi saya rasa sesuai untuk menyuburkan perasaan kita dalam setiap perjuangan terutamanya dalam suasana sekarang. Sajak ini saya tujukan khas kepada rakan-rakan di Utusan yang masih bekerja atau telah berhenti. Kawan-kawanku yang dikasihi Di belakang duri di depan api Kita tidak bisa undur lagi Duri dan api, tajam dan panasnya kita hadapi.